

05 OCT 2002

Kadir-Kereta Kabel (Bergambar)

KERETA KABEL LANGKAWI MAMPU MUNCUL DESTINASI "MESTI LAWAT"

LANGKAWI, 5 Okt (Bernama) -- Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir yakin perkhidmatan kereta kabel Langkawi mampu muncul sebagai destinasi "mesti lawat" apabila beroperasi 1 Nov depan.

Lawatan ke Langkawi tidak akan cukup syarat jika pelancong tidak menaiki kereta kabel kerana produk pelancongan terbaru ini cukup menarik dan istimewa, katanya kepada pemberita di puncak Gunung Machinchang semasa meninjau projek kereta kabel itu hari ini.

Projek bernilai RM46 juta itu yang dijalankan secara usahasama oleh Dopple-Mayer dari Austria dan sebuah syarikat tempatan menghubungkan kompleks beli-belah bersepadu Oriental Village dengan puncak Gunung Machinchang setinggi 708 meter dari paras laut di Teluk Burau di sini.

"Siapa yang datang ke Langkawi harus menaiki kereta kabel kerana mereka berpeluang menikmati pemandangan yang indah dari puncak Gunung Machinchang yang penuh misteri, eksotik dan penuh dengan pelbagai cerita legenda," katanya.

Katanya pelancong dijangka bertumpu ke situ apabila cuti sekolah bermula November depan untuk menyaksikan keindahan panorama di sekitar Langkawi dan Selatan Thailand.

Abdul Kadir berkata pengurusan perkhidmatan kereta kabel juga merancang untuk membina muzium mini batu batan bagi mempamerkan pelbagai jenis batu batan yang terdapat di gunung itu yang menurut kajian merupakan batu batan tertua di rantau ini yang berusia 500 juta tahun.

Katanya sebuah jambatan juga akan dibina merentangi dua puncak di gunung itu yang membolehkan pelawat ke situ mendapat satu pengalaman yang cukup menarik.

Sementara itu, Abdul Kadir berkata Majlis Tindakan Pelancongan Langkawi dan Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada) akan mengadakan promosi besar-besaran mulai tahun depan untuk menarik pelancong domestik melawat Langkawi.

Katanya mereka akan melawat bandar di seluruh negara selain mengadakan perjumpaan dengan Jawatankuasa Keselamatan dan Kemaajuan Kampung, Pengarah Pendidikan Daerah dan guru besar sekolah bagi menggalakkan lebih ramai penduduk tempatan berkunjung ke Langkawi.

Abdul Kadir juga berkata beliau akan mengadakan perjumpaan dengan pengerusi JKKK dan pemimpin masyarakat di Langkawi minggu depan untuk menerangkan mengenai peranan yang perlu mereka ambil untuk menjadikan Langkawi sebagai destinasi pelancongan yang benar-benar menarik.

"Kerajaan mahu mengubah pemikiran penduduk Langkawi supaya "Think Tourism" kerana mereka juga mempunyai peranan dalam industri pelancongan," katanya.

Sementara itu, perunding projek Dr Peter A. Wyss berkata sistem kereta kabel itu menggunakan teknologi canggih dengan penekanan diberikan pada ciri-ciri keselamatan iaitu termasuk empat sistem sokongan bagi memastikan gondola berkenaan boleh dibawa ke stesen pusat pada bila-bila masa.

Beliau berkata projek itu yang diilhamkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan membolehkan pelawat melihat sekeliling pulau itu dan juga Pulau Tarutao dan pesisiran pantai Satun di Thailand.

Katanya jarak antara stesen pusat dan puncak Gunung Machinchang ialah 2.2km yang membolehkan pelawat berada 70 meter di atas hutan hujan Gunung Machinchang yang juga kaya dengan pelbagai sumber geologi.

Perjalanan selama 15 minit ke puncak gunung itu dengan menaiki gondola enam tempat duduk akan juga membolehkan pelawat melihat air terjun Telaga Tujuh yang berdekatan.

-- BERNAMA

NH RHM